

INTERNAL

Welcome Speech

Grab Malaysia Launches Grab EV for Airport Rides

Prepared for:

YB Loke Siew Fook
Minister of Transport

Venue:

Level 3, KLIA Terminal 1

Date:

*24 June 2025, Tuesday
12 noon – 1:30 pm*

Aturcara Majlis

Masa	Agenda
11:30 pagi	Kehadiran tetamu
12:00 tengahari	Kehadiran tetamu kehormat - YB Menteri Pengangkutan - YB Datuk Timbalan Menteri Pengangkutan - YBhg. Dato' Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
12:10 petang	Nyanyian Negaraku dan ucapan alu-aluan oleh pengerusi majlis
12:15 petang	Ucapan daripada Adelene Foo (Pengarah Urusan, Grab Malaysia)
12:20 petang	Ucapan dari YBM Tuan Anthony Loke Siew Fook

12:30 petang	Acara perasmian serta sesi bergambar
12:45 petang	Bergerak ke EV bay dan sesi bergambar
1:00 petang	Bergerak ke EV lounge dan sesi bergambar
1:15 petang	Jamuan ringan dan bersurai

##

**UCAPAN YB MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
MAJLIS PELANCARAN PERKHIDMATAN EV GRAB DI LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA)**

Selamat pagi kepada yang dihormati,

- YBr. Puan Adelene Foo, Pengarah Urusan Grab Malaysia
- YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri
- YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha
- YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri, Ketua Pengarah APAD
- YBhg. Datuk Aedy Fadly bin Ramli, Ketua Pengarah JPJ
- YBr. Tuan Jeffrey Gan, Pengarah Urusan Asia Tenggara, Sime Motors
- YBr. Tuan Lim Chern Yuan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Yinson Holdings Berhad
- YBr. Tuan Chin Kee Min, Group CEO, Power-Up Tech
- Wakil Pengurusan tertinggi MAHB:
 - TBC
- Pengurusan tertinggi Grab Malaysia
- Rakan-rakan industri
- Warga media
- Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Hari ini kita melihat pelancaran satu lagi perkhidmatan baru oleh Grab, yang bakal memberi pilihan tambahan bagi penumpang yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), yang boleh menuju ke destinasi masing-masing menerusi kenderaan EV. Izinkan saya berkongsi beberapa fakta menarik mengenai sektor penerbangan negara dalam tempoh terdekat ini.

Sektor penerbangan Malaysia menunjukkan pemulihan yang kukuh pada tahun 2025, dengan jumlah penumpang udara mencecah antara 105.8 juta hingga 112.9 juta, menurut unjuran Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan kapasiti syarikat penerbangan sebanyak 15.8% tahun ke tahun, serta permintaan perjalanan antarabangsa yang semakin meningkat. Faktor-faktor ini mencerminkan keyakinan pengguna dan pemulihan ekonomi yang berterusan.

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melancarkan Program Pembangunan Rangkaian (NDP) 2025–2027 untuk menarik syarikat penerbangan baharu dan menggalakkan pengembangan laluan, terutamanya dari China, India, dan pasaran jarak jauh. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesalinghubungan antarabangsa dan menyokong pertumbuhan pelancongan serta perdagangan negara.

Di KLIA pula, projek penggantian sistem Aerotrain sedang dijalankan dengan perkhidmatan dijangka dibuka semula dalam masa satu minggu lagi (1 Julai 2025). Projek ini melibatkan penggantian tren lama dengan model baharu Innovia APM 300, bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan KLIA.

Hadirin sekalian,

Inisiatif Grab ini menyokong pelbagai usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti sistem pengangkutan di pintu masuk utama negara. Kehadiran saya hari ini melambangkan sokongan Kementerian Pengangkutan terhadap inisiatif, yang bukan sahaja selari dengan dasar negara, tetapi turut memperkukuhkan usaha ke arah **mobiliti mampan**.

Pelancaran perkhidmatan EV ini jug menunjukkan MOT komited dalam mempercepatkan peralihan negara ke arah sistem pengangkutan yang lebih bersih, cekap, dan mesra alam.

Dalam **Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030** dan **Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2021–2025**, kenderaan elektrik telah dikenalpasti sebagai salah satu teras utama untuk mengurangkan pelepasan karbon dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau.

Antara usaha yang sedang dan bakal dilaksanakan oleh kerajaan termasuk:

- **Pengecualian cukai dan insentif** bagi pembelian EV, pemasangan EV charger dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam sektor pengangkutan.
- **Pelaksanaan zon rendah karbon** di kawasan bandar.
- dan **Penyediaan infrastruktur pengecasan EV yang lebih meluas**, termasuk di lebuh raya, pusat beli-belah dan lapangan terbang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya ingin **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Grab Malaysia** kerana mengambil langkah proaktif dalam memperkenalkan pelbagai inisiatif EV yang bermakna. Ini merangkumi:

- Pelancaran **perkhidmatan EV khas untuk e-hailing**;
- Memperkenalkan perkhidmatan '**EV-only ride**' sebagai salah satu pilihan tempahan dalam aplikasi Grab;
- Menubuhkan **EV Lounge di KLIA**, sebagai kemudahan tambahan bagi pengguna perkhidmatan EV yang premium ini.

Saya difahamkan bahawa pihak Grab akan memulakan operasi EV mereka di KLIA menerusi jenama kenderaan BYD. Saya lihat kepimpinan pasukan Sime Darby Berhad (yang memiliki francais BYD di Malaysia) juga turut hadir di sini, dan memberi sokongan kukuh terhadap program EV Grab ini.

Kehadiran rakan kongsi lain seperti Yinson dan PlugIt turut memainkan peranan penting, kerana ekosistem EV memerlukan pendekatan yang menyeluruh. *One part cannot move without the other*. Maknanya, kalau ada kereta EV, kita perlu sistem pengecasannya, dan lain-lain kemudahan penting yang menyokong pelaksanaan program ini.

Hadirin sekalian,

Pemilihan **KLIA sebagai lokasi pelancaran** adalah amat strategik — bukan sahaja kerana jumlah trafik penumpang yang tinggi, tetapi juga kerana ia memberi pendedahan maksimum kepada pengguna domestik dan antarabangsa mengenai usaha Malaysia dalam memperkukuhkan mobiliti hijau.

Saya juga ingin menekankan bahawa **kerjasama awam-swasta** seperti ini adalah kunci kejayaan dalam mempercepatkan penggunaan EV di seluruh negara. **MoU terkini antara Grab dan beberapa rakan strategik**, termasuk penyedia EV dan syarikat pengecasan baru-baru ini, mencerminkan keselarasan pihak industri dengan aspirasi negara.

Saya berharap pelancaran ini menjadi **pemangkin kepada pengembangan EV di seluruh Malaysia** — bukan sahaja di Lembah Klang, tetapi juga di bandar-bandar utama lain seperti Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu.

MOT akan terus menyokong usaha sebegini dan kami menyeru lebih banyak pihak industri untuk tampil ke hadapan dan memainkan peranan mereka dalam agenda dekarbonisasi negara.

Syabas kepada Grab Malaysia. Terima kasih kerana menjadi rakan strategik yang sentiasa komited dalam menjayakan masa depan pengangkutan yang lebih mampan untuk negara.

Dengan itu, saya melancarkan perkhidmatan EV Grab Malaysia, serta EV Lounge pertama Grab di KLIA.

Sekian, terima kasih